

CNS0202

R GB 27-09 00187BA721

Bah

MBM PUJI KEBERANIAN PM KRITIK PBB

MBM - Mahathir

I

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) --- Majlis Belia Malaysia memuji Perdana Menteri., Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana ucagannya pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan berkata beliau telah mencatat sejarah dengan memberikannya kritikan tajam dan membina terhadap PBB.

Timbalan Presiden MRM Encik Fuad Hassan hari ini berkata, ucapan Perdana Menteri. pada perhimpunan ke-46 Rabu lepas itu bukan sahaja tepat pada masanya malah paling sesuai memandangkan kebanyakan anggota PBB mahu mempunyai seorang jurucakap untuk mendedahkan kebenaran mengenai dasar berat sebelah yang diamalkan oleh pertubuhan dunia itu.

+Datuk Seri Dr Mahathir telah menunjukkan bahawa demokrasi tidak bermakna langsung jika rakyat tidak mempunyai hak 'membuat pilihan tentang apa yang mereka mahu.

+Beliau juga meminta PBB mengamalkan demokrasi dan menarik segala tekanan terhadap negara-negara sedang membangun, + kata Encik Fuad dalam kenyataan di sini.

Beliau juga berkata, Perdana Menteri mungkin merupakan pemimpin pertama yang telah mengkritik dengan tepat ketidakseimbangan antara lima kuasa besar yang mempunyai keistimewaan kuasa veto dan 166 negara anggota yang lain. -- Lagi.

♥27/09/17-48MST

CNS0205

R GB 27-09 00105 BA722

Bah

MBM - Mahathir - (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berkata, sejarah dunia akan mengiktiraf sumbangan Datuk Seri Dr Mahathir sebagai pelopor dan jurucakap kepada Dunia Ketiga, yang meminta keadaan ini diubah dan Malaysia bangga dengan beliau.

+MBM akan menyokong Perdana Menteri dan meminta satu Order Baru Dunia, yang bukan dikenakan kepada kita oleh +beberapa negara+ tetapi diputuskan oleh kita sendiri, + katanya.

Beliau berkata, MBM yakin bahawa konsep demokrasi seperti yang dikemukakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir akan membimbing negara-negara Dunia Ketiga ke arah baru yang selama ini dibiarkan atau tidak diberi perhatian.

-- Bernama .

♥27/09/17-50MST